

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MISI PERDAGANGAN FRANCAIS MALAYSIA KE MANILA, FILIPINA

PUTRAJAYA, 18 Oktober 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengadakan satu misi perdagangan ke Manila, Filipina bermula 14 hingga 16 Oktober 2022.

2. Dalam kenyataan hari ini, KPDNHEP berkata, misi perdagangan ini merupakan program pengembangan francais yang dilaksanakan di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP). Misi kali ini adalah misi perdagangan ke-5 yang dijadualkan pada tahun ini selepas Jeddah, Johannesburg, Afrika dan Indonesia.

3. Delegasi KPDNHEP telah diketuai oleh Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato' Rohaizi bin Bahari.

4. Selain wakil daripada KPDNHEP, delegasi ini juga turut disertai oleh Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan 8 syarikat francais terkemuka tempatan seperti Aloha, Cheeseu, HOME Math Therapy,

Laundrybar, Marrybrown, Muzart, Oldtown White Coffee dan US Pizza.

5. **KPDNHEP akan membawa lebih banyak produk francais tempatan yang mempunyai kelainan tersendiri untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Di peringkat global, jenama francais Malaysia juga telah berkembang sebagai jenama terkemuka di seluruh dunia, dengan lebih daripada 68 jenama di 74 negara.**

6. **Ketika ini, sebanyak 9 jenama francais Malaysia sudah berjaya berkembang di Filipina, dan kita mahu ia terus bertambah memandangkan jenama francais Malaysia jelas memiliki potensi di sini. “Di Filipina ini kita lihat ada potensi pasaran yang besar kerana persamaan citarasa dan budaya rakyatnya. Jadi, ini memudahkan kita bekerjasama dan memperluaskan lagi produk francais tempatan,” kata Dato’ Rohaizi Bahari selepas merasmikan Pavilion Malaysia sempena *Franchise Asia Philippines 2022 (FAPHL2022)*.**

7. Turut hadir, Pengerusi Persatuan Francais Filipina (PFA), Chris Lim dan Naib Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Dato’ Zahriah Abd Kadir.

8. Selain itu, delegasi Malaysia turut mengadakan beberapa aktiviti lain seperti pertemuan dengan pihak Malawakil juga pihak agensi Kerajaan di Filipina, lawatan kerja ke cawangan jenama francais Filipina dan cawangan jenama francais Malaysia yang telah menembusi pasaran Filipina iaitu Tealive.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna**
Putrajaya, 18 Oktober 2022

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

